

09 DEC 1997

Mahathir-OIC

BANGKIT HADAPI CABARAN DAN BAWA PERUBAHAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 9 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Islam harus menyahut cabaran Era Maklumat dan konsep masyarakat global untuk mempertahankan agama dan cara hidup mereka.

Beliau berkata perjalanan yang mudah dan pantas, kemajuan telekomunikasi dan teknologi multi-media serta penyebaran maklumat semuanya membolehkan umat Islam terdedah kepada semua perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

"Ia dengan mudah boleh menggugat akidah kita dan membawa kita kepada ekstremisme yang merosakkan atau diketepikan. Akhirnya kemajuan dalam sains dan teknologi akan menenggelamkan kita," katanya.

Perdana Menteri berucap di perbahasan am sidang kemuncak kelapan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang bermula hari ini di Pusat Persidangan Tehran, yang dibina khusus untuk tujuan berkenaan.

Persidangan yang dihadiri pemimpin dari 55 buah negara anggota OIC itu merupakan perhimpunan terbesar pernah diadakan di Iran sejak revolusi 1979.

"Sekiranya kita gunakan kemahiran kita, kita bukan sahaja dapat hidup tetapi kita dapat menguasai penggunaan teknologi dan konsep," kata Dr Mahathir yang menghadiri siri sidang kemuncak ini untuk kali ketiga.

Sambil menegaskan umat Islam tidak boleh menolak perubahan, beliau berkata sekiranya umat Islam tetap mahu kekal dalam keadaan tanpa ilmu dalam bidang-bidang baru, seluruh ummah dan agama akan sentiasa terdedah kepada serangan musuh dan sentiasa mundur sepanjang masa.

"Kita mungkin tidak mahu menerima perubahan. Kita mungkin mahu ditinggalkan. Tetapi kita tidak ada cara lain yang boleh kita lakukan," kata Dr Mahathir yang diberi penghormatan sebagai pemimpin pertama menyampaikan ucapan pada sesi itu.

"Apa cara sekalipun proses penglobalan, penghapusan sempadan akan terjadi dan menjadi satu kenyataan hidup," katanya.

"Sama ada kita suka atau tidak, mereka akan menenggelamkan kita sama seperti ataupun lebih daripada apa yang terjadi dalam Revolusion Perindustrian," katanya.

Beliau berkata umat Islam tidak jauh beza daripada pengkritik mereka yang juga baru kepada perubahan sama seperti umat Islam.

Ini memberikan peluang kepada umat Islam untuk melonjak daripada Zaman Perindustrian kepada Zaman Maklumat dan ke dunia global untuk berdiri sama tinggi dengan orang lain.

Bagaimanapun perdana menteri melahirkan rasa kesal hakikat negara-negara Islam tidak mampu menggunakan sumber-sumber semula jadi yang mereka miliki untuk kebaikan dalam memelihara dan mempertahankan agama mereka.

Ini menyebabkan cerdik pandai Islam terpaksa berpindah ke negara lain dan menyumbangkan buah fikiran, pengetahuan dan kepakaran mereka kepada negara permastautin yang kadang kala memusuhi Islam.

"Kita tidak ada kemampuan untuk menawarkan mereka yang berbakat ini dan keadaan dalam negara-negara kita tidak sesuai untuk menggunakan anugerah besar yang mereka miliki itu".

"Kita terlalu sibuk dengan pertelingkahan yang remeh-temeh hinggakan tidak ada masa untuk melayani keperluan mereka," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia amat sedih dengan pembunuhan rakyat asing dan umat Islam di sesetengah negara Islam.

"Ianya tidak selaras dengan ajaran Islam dan nyata tidak membantu ke

arah syiar Islam," katanya.

"Kita perlu hentikan pertelingkahan sesama kita supaya wujud gabungan yang bersatu dalam menghadapi ancaman yang menentang kita. Kita tidak seharusnya menjadi musuh sesama sendiri," kata Dr Mahathir.

Malangnya beliau berkata banyak negara Islam dilanda perang saudara dan ketidakstabilan menyebabkan kerajaan menjadi lemah untuk membangun dan bersaing dengan musuh mereka atau pun mentadbirkan negara dengan berkesan.

"Perbalahan peribadi dan nafsu untuk berkuasa dibiarkan untuk memusnahkan pentadbiran kerajaan menyebabkan ia tidak mampu untuk memenuhi kebajikan rakyat".

"Akibatnya sebahagian besar negara Islam masih mundur dan umat Islam berada dalam kemiskinan, tidak mempunyai kemahiran, tidak berpelajaran dan tidak mampu untuk memberikan sumbangan positif kepada kebajikan umat Islam, agama dan negara mereka," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sidang kemuncak itu yang diadakan di ambang "abad dan alaf Barat baru" memberikan para pemimpin Islam peluang untuk merenung cabaran-cabaran besar yang mereka sedang hadapi.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai sistem dan konsep demokrasi cara Barat yang menurutnya tidak lebih daripada negara-negara teokrasi feudal dahulu kala.

"Walaupun Barat mendakwa terdapat keberkesanan dan keadilan dalam sistem demokrasi mereka, ia masih jauh daripada sempurna ataupun sebuah sistem yang baik untuk mereka atau sesiapa saja," katanya.

Upacara pembukaan sidang kemuncak itu dirasmikan oleh pemimpin agung Iran Ali Khamenei dan dipengerusikan oleh Presiden Iran Mohammad Khatami.

Bertemakan "Digniti, Dialog dan Penyertaan", sidang kemuncak itu menyusul mesyuarat dua hari menteri-menteri luar yang meluluskan 140 resolusi bagi pertimbangan para pemimpin mereka. -- Bernama

AZZ oba